

CNS4101

U GB 03-05 00193 BA057

bah

Mahathir - Stadium

NEGARA TAX MAMPU XEKALKAN STADIUM MERDEKA, KATA PERDANA MENTERI

JITRA, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata nesara tidak mampu mengekalkan Stadium Merdeka hanya semata-mata untuk memperingati peristiwa pengistiharan kemerdekaan di situ.

"Kita nak simpan Stadium Merdeka semata-mata kerana hendak memperingati satu peristiwa... (tetapi) kita sebagai sebuah negara yang tidak begitu kaya, kita tak mampu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Jitra di sini hari ini.

Menurutnya, tanah yang menempatkan Stadium Merdeka itu kini bernilai tinggi sehingga beratus juta ringgit dan rancangan kerajaan ialah supaya dapat memungut wang daripadanya bagi pembinaan stadium yang baru.

"Stadium yang baru ini harganya tinggi... darimanakah kita nak cari duit?" katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa baru-baru ini mengenai kemungkinan stadium itu dirobohkan bagi dijadikan kawasan perniagaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bukan sahaja memerlukan sebuah stadium baru untuk Sukan Komanwel 1998 tetapi ia juga memerlukan sebuah stadium besar yang terletak di luar Kuala Lumpur kerana stadium yang terdapat di tengah-tengah bandaraya itu boleh menimbulkan banyak masalah seperti kesesakan lalulintas. -- Lagi.

▼03/05/16-27MST

CNS4140

U GB 03-05 00159 BA058

bah,

Mahathir - Stadium 2 Jitra

Ketika ditanya sama adakah kerajaan akan meneruskan rancangan merobohkan stadium itu, beliau berkata:

"Yang itu terpulanglah... kalau tak mahu teruskan tak ada tempatlah nak buat "games" apa pun. Satu hari kita kena buat juga. Lebih baik sekarang daripada kemudian kelak.

"Bagi saya, kalau kita mesti buat sesuatu, lebih baik awal daripada melambat-lambatkan.. kos meningkat, masalah bertambah dan sebagainya," kata beliau.

Beliau berkata, kerajaan sedar mengenai "nostalgia" dan nilai sejarah stadium itu tetapi ia juga perlu mengambil kira faktor lain.

Sebaliknya, jika kerajaan merobohkan stadium itu, ia boleh mendirikan bangunan lain yang sesuai, misalnya sebuah tugu, di tempat pengistiharan kemerdekaan itu sebagai satu tanda peringatan "supaya kita tahu di situ kemerdekaan diisytiharkan."

"Kita boleh letak gambar di situ, tulisan se j arah dan macam-macam lagi," tambahnya.

"Ini nak simpan satu stadium semata-mata nak memperingati diri kita, itu terlalu mahal," kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼03/05/17-01MST

CNS4143

U GB 03-05 00091 BA059

bah

.. Mahathir - Stadium 3 Jitra

Perdana Menteri menegur sikap golongan tertentu yang suka memprotes projek-projek kerajaan kononnya kerana menimbulkan masalah alam sekitar atau kerana "nostalgia" atau kerana masalah peribadi sedangkan mereka yang menentang itu akhirnya bersetuju juga dengan projek-projek itu.

Katanya, tindakan seumpama itu selalunya melambatkan projek sehingga menyebabkan kosnya meningkat.

"Jadi, kalau tidak ada sebab yang betul-betul penting, janganlah halang projek kerajaan kerana projek-projek itu untuk kebaikan rakyat dan bukan untuk kebaikan kerajaan," katanya. -- Bernama.

KHY NM.

▼03/05/17-02MST